

**DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN SEMASA PENDAFTARAN LESEN ANJING**

<b>DOKUMEN</b>	<b>ADA</b>	<b>TIADA</b>
1. Salinan Kad Pengenalan Pemohon	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Gambar pemohon berukuran passport.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Salinan Sijil Pengesahan Kesihatan Anjing daripada Doktor Veterinar yang bertauliahan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Gambar penuh anjing ukuran 4R.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Borang yang telah lengkap di isi.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Salinan Cukai Taksiran.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Salinan pengesahan oleh Doktor Veterinar Yang bertauliahan bahawa anjing telah dikembiri/dimandulkan (anjing baka "Mongrel" dan "Mixbreed")	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Disahkan oleh :

.....



**JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN**

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

PERSIARAN 3, BANDAR BARU SELAYANG

68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-6126 5800

Fax : 03-6138 2346

E-mail : [aduanmps@mps.gov.my](mailto:aduanmps@mps.gov.my) Laman web : <http://www.mps.gov.my>



**SYARAT-SYARAT PELESENAN ANJING**

1. Semua anjing yang berumur 3 bulan ke atas hendaklah dilesenkan.
2. Semua anjing baka “Mongrel” dan “MixBreed” yang berumur 5 bulan ke atas perlu dikembirikan / dimandulkan sebelum di lesenkan.
3. Lesen akan tamat tempohnya pada 31 Disember pada tahun lesen itu dikeluarkan.
4. Bayaran Lesen Anjing RM 30.00 (1 tahun) bagi setiap ekor anjing. Setiap lesen yang hilang, pemunya anjing hendaklah mendapatkan lesen yang lain daripada Majlis Perbandaran Selayang dan dikenakan caj sebanyak RM 30.00.
5. Pemilik anjing hendaklah mempamerkan papan tanda (SMART DOBAR PLATE) yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Selayang di tempat yang mudah dilihat iaitu dihadapan pagar premis. Bayaran papan tanda RM 12.00 dikenakan bagi setiap papan tanda.
6. Sekiranya pemilik tidak mempamerkan papan tanda tersebut, dan tiada lencana logam yang dikeluarkan oleh Majlis pada anjing, pihak Majlis beranggapan anjing tersebut tidak berlesen dan boleh disita mengikut peruntukan di bawah UUK PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING (MPS) 2007.
7. Lencana logam yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Selayang hendaklah digantungkan di leher anjing pada setiap masa.
8. Jika terdapat pertukaran pemunyaan seekor anjing berlesen, pemilik yang baru hendaklah dalam tempoh satu bulan dari pertukaran itu memberitahu Pihak Berkuasa Melesen. Bayaran pendaftaran pertukaran sebanyak RM 15.00 akan dikenakan bagi setiap ekor anjing.
9. Jika anjing berlesen yang dipelihara mati / hilang hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen.
10. Semua anjing hendaklah disuntik bagi mencegah penyakit dengan ubat pencegah (vaccination DALD +PV) oleh Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau mana-mana Doktor Veterinar yang bertauliah.
11. Pemilik seekor anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu dan tempat anjing itu dipelihara disenggarakan dalam keadaan bersih pada setiap masa.

12. Pemilik seekor anjing berlesen hendaklah membuang apa-apa bahan najis anjing itu daripada premisnya dan pembuangan bahan najis sedemikian hendaklah dijalankan mengikut cara atau kaedah yang tidak berkemungkinan menyebabkan kesalahan atau kacau ganggu kepada mana-mana yang lain.
13. Pemilik anjing hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan anjing tidak menyalak yang tidak berhenti-henti, merayau di luar kawasan premis, menggigit atau mengganggu orang awam di tempat awam.
14. Pemilik anjing berlesen hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak membuang najis atau kencing di tempat awam.
15. Anjing hendaklah sentiasa berikat dan memakai sarung mulut (muzzle) apabila dibawa keluar dari tempat ianya biasa dipelihara / disimpan.
16. Pemilik anjing berlesen hendaklah memastikan anjing miliknya tidak berkeliaran di luar premisnya.
17. Pemilik seekor anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu diberi makan dan disenggarakan dengan sempurna.
18. Jika seekor anjing berlesen mengejar, menyerang, atau menggigit mana-mana orang , sama ada atau tidak apa-apa kecederaan dilakukan, pemilik anjing itu telah melakukan kesalahan dan bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi bagi kecederaan yang dilakukan oleh anjing itu.
19. Anjing tidak boleh dipelihara di rumah pangsa atau di tingkat yang lebih tinggi daripada tingkat bawah sesuatu bangunan (MENGIKUT UUK PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING (MPS) 2007 DAN MENGIKUT AKTA 318 – HAK MILIK STRATA).
20. Hanya 2 ekor anjing sahaja boleh dipelihara di premis yang mempunyai keluasan 1000 meter persegi atau kurang.
21. Bagi premis yang mempunyai keluasan melebihi 1000 meter persegi, hanya 4 ekor anjing sahaja dibenarkan.
22. Mana-mana anjing yang didapati lepas bebas di tempat awam, berpenyakit, dipelihara tanpa dilesenkan, menimbulkan kacauganggu kepada orang lain atau anjing dipelihara di tempat yang tidak dibenarkan, akan dirampas, ditangkap dan dilupuskan.
23. Pemilik anjing yang gagal mematuhi syarat-syarat di atas akan dikenakan tindakan undang-undang sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing & Rumah Pembakaran Anjing (Majlis Perbandaran Selayang) 2007.

24. Sila kemukakan perkara-perkara berikut semasa permohonan :
- i. Salinan kad pengenalan pemohon
  - ii. Gambar berukuran passport pemohon
  - iii. Salinan sijil pengesahan kesihatan anjing daripada Doktor Veterinar yang bertauliahan
  - iv. Gambar penuh anjing (4R)
  - v. Borang yang telah diisi penuh dan lengkap
  - vi. Salinan cukai taksiran
  - vii. Salinan pengesahan oleh Doktor Veterinar yang bertauliahan bahawa anjing **dikembiri/mandul** (bagi maksud baka **Mongreal atau mix-breed**)

PERCUMA



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG  
PERSIARAN 3, BANDAR BARU SELAYANG  
68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN  
Tel : 03-6126 5800 Fax : 03-6138 2346  
E-mail : [aduanmps@mps.gov.my](mailto:aduanmps@mps.gov.my) Laman web : <http://www.mps.gov.my>



## BORANG PERMOHONAN LESEN ANJING

A.

### MAKLUMAT PEMOHON :

- A1. Nama Pemohon : .....
- A2. No. Kad Pengenalan / Pasport : .....
- A3. Alamat Surat-Menyurat: .....  
.....  
Poskod : .....
- Bandar : .....
- A4. No. Telefon (Rumah) : .....
- A5. No. Telefon (Bimbit) : .....
- A6. E-Mail : .....

### GAMBAR PEMOHON

B.

### MAKLUMAT ANJING :

- B1. Baka : ..... B3. Umur : .....
- B2. Jantina : ..... B4. Warna : .....

C.

### TEMPAT ANJING AKAN DIPELIHARA :

- C1. Alamat (sekiranya berlainan daripada A3) :  
.....  
.....  
.....

- C1. Jenis Bangunan : Rumah Teres / Sesebuah / Berkembar / Kilang / Lain-lain (nyatakan) :  
.....

- C2. Rumah Teres : Tepi / Tengah / Rumah Sendiri / Rumah Sewa

- C3. Luas Kawasan Premis : ..... meter persegi

D.

### ULASAN PEGAWAI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR / DOKTOR VETERINAR :

- D1. Tarikh Suntikan (Hyephobia) : .....
- D2. Sokongan : Disokong (  ) Tidak Disokong (  )
- D3. Ulasan : .....
- D4. Tarikh Ulasan : .....
- D5. Pengesahan Baka (sila nyatakan baka anjing) : .....
- D6. Nama Pegawai Veterinar / Doktor Veterinar : .....
- D7. Nama Klinik Haiwan : .....

E.

**AKUAN :**

Saya mengaku mematuhi syarat-syarat permohonan lesen anjing seperti senarai yang dilampirkan bersama borang permohonan. Saya akan mematuhi segala syarat-syarat pelesenan anjing, Majlis Perbandaran Selayang

Tarikh : .....  
.....  
Tandatangan

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

Cadangan \* (DISOKONG / TIDAK DISOKONG) permohonan kerana :

.....  
.....  
.....  
.....

Pembantu Tadbir / Pembantu Kesihatan Awam  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesihatan, MPS

\* potong yang mana tidak berkenaan

Diluluskan Oleh :

.....  
Pegawai Pelesen.  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesihatan, MPS

No. Lencana : .....

No. Resit : .....

No. Barcode : .....

Tarikh Bayaran : .....

.....  
Tandatangan & Cop

Sistem e-Anjing : Telah Dimasukkan ( ) Belum Dimasukkan ( )

Tarikh : .....

## **GAMBAR ANJING**

